DOSA BESAR – LIWATH (HOMOSEKS)

Allah telah menceritakan kepada kita tentang kaum Nabi Luth di beberapa tempat dari kitab-Nya. Antaranya adalah:

"Maka apabila datang (masa perlaksanaan) perintah Kami, Kami jadikan negeri kaum Luth itu diterbalikkan (tertimbus segala yang ada di muka buminya) dan kami menghujaninya dengan batu-batu dari tanah yang dibakar, menimpanya bertalu-talu. Batu-batu itu ditandakan di sisi Tuhanmu (untuk membinasakan mereka), dan Ia pula tidaklah jauh dari orang-orang yang zalim itu". (Surah Huud, Ayat 82 & 83)

Disebabkan itu, Nabi bersabda:

"Sesuatu yang paling aku takutkan atas kamu adalah perbuatan yang dilakukan oleh kaum Luth". [1] Lalu Baginda melaknat sesiapa yang melakukan perbuatan tersebut tiga kali. Baginda berkata: "Allah melaknat orang yang melakukan perbuatan yang dilakukan oleh kaum Luth". [2]

Baginda juga bersabda, "Barangsiapa yang kamu dapati sedang melakukan perbuatan kaum Luth maka bunuhlah keduanya". [3]

Ibnu Abbas berkata, "Dicari dulu bagunan yang paling tinggi di tempat tinggalnya, lalu dia dilempar dari sana, terus dihujani dengan batu-batu. Ini seperti yang ditimpakan kepada kaum Luth".

Kaum muslimin telah berijma' bahawa perbuatan liwath termasuk dosa besar yang diharamkan oleh Allah ta'ala.

"Patutkah kamu melakukan hubungan jenis dengan lelaki dari kalangan manusia, Dan kamu tinggalkan apa yang diciptakan oleh Tuhan kamu untuk kamu (melakukan hubungan yang halal) dari badan isteri-isteri kamu? (Kamu orang-orang yang bersalah) bahkan kamu adalah kaum yang melampaui batas (keinginan kebanyakan haiwan)!". (Surah Asy-Syu'araa', Ayat 165 – 166)

"Dan kepada Nabi Luth, Kami berikan hikmat kebijaksanaan dan ilmu; dan Kami selamatkan dia dari bandar yang penduduknya selalu melakukan perkara-perkara yang keji; sesungguhnya mereka itu adalah kaum jahat, yang fasik, derhaka". (Surah Al-Anbiya', Ayat 74)

Nama negeri mereka adalah Sodom. [4] Penduduk negeri ini melakukan berbagai perbuatan keji seperti yang disebutkan oleh Allah dalam kitab-Nya. Mereka menggauli kaum lelaki pada duburnya dan juga lain-lain perbuatan.

Diriwayatkan Ibnu Abbas berkata, "Ada sepuluh macam perbuatan yang dilakukan oleh kaum Luth; "tasyfifusy sya'r"(mengatur rambut dengan model-model tertentu), "hallul izaar" (menampakkan aurat antara sesama jenis dengan cara membukakan kain penutupnya), "ramyul bunduq" (bermain lastik dengan batu kecil atau tanah liat yang dibulatkan), "al-hadzfu bil hashaa" (melempar dengan kerikil), "al-la'bu bil hammamit thayyaarah" (main burung merpati), "As-shafir bil ashaabi' " (bersiul), farqa'atul ak'ab (menghentakkan tumit kasut ketika berjalan), "isbalul izaar" (memanjangkan kain melebihi mata kaki), "hallu uzril aqbiyyah" (membuka kancing baju supaya tampak bulu-bulu dada), selalu minum minuman keras dan melakukan hubungan seks antara sesama lelaki. Kemudian umat ini akan menambahkan satu lagi iaitu "musahaqatun nisa' bin nisa' "(melakukan hubungan seks antara sesama wanita, lesbian)"

Abu Hurairah menyatakan bahawa Rasulullah bersabda:

"Ada empat golongan yang di pagi hari mereka dalam kemarahan Allah, dan di petang hari mereka dalam kemurkaan Allah. "Seseorang bertanya, "Siapakah mereka, wahai Rasulullah?". Baginda menjawab, "Lelaki yang menyerupai perempuan, perempuan yang menyerupai lelaki, orang yang melakukan hubungan seks dengan binatang, dan lelaki yang melakukan hubungan seks dengan sesama lelaki."

Dalam satu riwayat disebutkan bahawa antara perbuatan kaum Luth adalah: bermain dadu, menyabung merpati, menyabung anjing, menyabung biri-biri, menyabung ayam, mandi di tempat umum tanpa pakaian, serta mengurangi ukuran dan timbangan. Barang siapa melakukannya, sungguh celakalah dia."

Nabi s.a.w. bersabda: "Allah tidak akan memandang kepada lelaki yang mendatangi lelaki lain (kaum homoseks) atau (melakukan hubungan seks dengan) wanita pada duburnya". [5]

Melihat dengan pandangan berahi kepada wanita (selain dari isteri dan hamba wanita yang dimiliki) atau pemuda "amrad" (yang belum tumbuh misai, jambang dan janggutnya) termasuk zina. Nabi s.a.w bersabda:

"Zina mata adalah memandang, zina lidah adalah berbicara, zina tangan adalah menyentuh, zina kaki adalah melangkah, zina telinga adalah mendengar, fikiran membayangkan dan menginginkan, manakala kemaluan membenarkan atau mendustakannya". [6]

Oleh kerana itu orang-orang soleh bersungguh-sungguh berusaha menghindari pertemuan dengan para pemuda "amrad". Juga dari memandang mereka, bergaul dengan mereka atau berada dalam satu majlis dengan mereka.

Hasan bin Zakwan berkata, "Hindarilah menghadiri majlis bersama anak-anak orang kaya. Mereka memiliki wajah seperti wajah perawan. Mereka lebih dahsyat fitnahnya berbanding pada wanita". [7]

Sebahagian tabi'in berkata. "Tidak ada yang lebih aku bimbangkan tentang seorang pemuda ahli ibadah, termasuk binatang buas sekali pun, selain dari pemuda amrad yang mendatanginya".

Dikatakan, "Janganlah seorang lelaki bermalam di suatu tempat bersama seorang pemuda amrad". [8]

Sebahagian ulama' mengharamkan khalwat (bersunyi-sunyian) bersama pemuda "amrad", di dalam rumah, di kedai, atau di tempat pemandian dengan diqiaskan kepada larangan berkhalwat dengan wanita. Nabi s.a.w bersabda. "Tidaklah seorang lelaki berdua-duaan dengan seorang perempuan di tempat yang sunyi, kecuali syaitan menjadi yang ketiga". [9]

Di antara para pemuda "amrad" itu ada yang ketampanannya melebihi kecantikan seorang wanita. Oleh itu fitnahnya pun lebih besar. Sebab ada satu kejahatan yang dapat dilakukan berkaitan dengannya yang tidak dapat dilakukan dengan wanita. Juga ada kejahatan yang lebih mudah dilakukan berhubung dengannya berbanding dengan wanita. Jadi amat sesuai jika ianya lebih 'haram'.

Banyak sekali anjuran dan nasihat dari para ulama' salaf supaya menghindari dari memandang mereka. Para salaf menyebut para pemuda "amrad" itu dengan "antan" (sesuatu yang berbau busuk). Sebab mereka benar-benar wajib dijauhi menurut syara'. Pandangan di sini adalah umum sifatnya; pandangan terhadap ketampanan ataupun yang lain.

Suatu ketika Sufyan ats-Tsauri masuk ke tempat mandi awam. Tiba-tiba masuk seorang anak muda yang berwajah tampan. Sufyan pun berkata, "Keluarkan dia dari sini. Sesungguhnya aku melihat bersama setiap wanita itu satu syaitan, namun aku melhat bersama setiap pemuda yang tampan itu ada berbelas syaitan". [10]

Seorang lelaki mengunjungi Imam Ahmad bin Hanbal rhm. bersama seorang pemuda tampan. Melihat hal itu Imam Ahmad bertanya, "Apa hubunganmu dengannya?". "Dia adalah anak saudara saya", jawab orang itu. Lalu Imam Ahmad bin Hanbal berkata, "Lain kali jangan ke sini bersamanya dan juga jangan berjalan di khalayak ramai bersamanya supaya orang yang tidak mengenalimu atau mengenalinya tidak berprasangka buruk terhadapmu!". [11]

Ada sebuah syair;

"Segala celaka bermula dari pandangan

Hampir segala api bermula dari meremehkan kejahatan

Seseorang…selama matanya berkelana

Segala bahaya terdampar di depannya

Banyak sudah pandangan melukai hati

Bak anak panah terlempar walau tanpa busur

Ianya suka kepada yang membawa mudarat

Padahal….tiada kata selamat datang bagi kelazatan membawa sengsara"

Dikatakan, "Pandangan itu adalah pendahuluan kepada zina"

Dalam sebuah hadith disebutkan. "Pandangan itu anak panah beracun di antara sekian anak panah Iblis. Barangsiapa meninggalkannya kerana Allah, nescaya Allah akan merasakan lazatnya ibadah di hatinya yang dapat dirasakan sampai hari kiamat". [12]

Hukuman Bagi Orang Yang Secara Rela Menjadi Pasangan Seorang Homoseks

Khalid bin al-Walid mengirim surat kepada Abu Bakar as-Siddiq bahawa di suatu wilayah dia mendapati seorang lelaki yang menyediakan diri sebagai pasangan seorang lelaki homoseks, digauli pada duburnya. Abu Bakar pun berbincang dengan Sahabat-sahabat lain. Sahabat Ali bin Abi Thalib berkata, "Itu adalah suatu dosa yang tidak pernah dilakukan kecuali oleh satu umat saja, iaitu umat Luth. Allah telah memberitahu kepada kita apa yang Dia putuskan bagi mereka. Pada hemat saya, orang itu hendaklah dibakar dengan api". Maka Abu Bakar membalas surat Khalid supaya membakar orang yang ditemuinya itu. Maka Khalid pun membakarnya. [13]

Ali bin Abi Thalib berkata, "Barangsiapa menyediakan diri secara sukarela supaya diliwath, nescaya Allah akan menanamkan ke dalam dirinya nafsu perempuan (menjadi seperti perempuan) dan menjadikannya sebagai syaitan yang terkutuk di kuburnya sampai hari kiamat. "

Seluruh umat telah berijma' (sepakat) bahawa barangsiapa melakukan liwath terhadap hambanya maka dia telah berdosa sebagaimana orang yang meliwath.

Liwath Kecil

Termasuk dalam kategori liwath ialah menggauli isteri pada duburnya yang termasuk perkara yang diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya. Allah berfirman, "Isteri-isterimu adalah (seperti) tanah tempat kamu bercucuk tanam, maka datangilah tanah tempat bercucuk tanammu itu menurut cara yang kamu sukai". (Surah Al-Baqarah, Ayat 223).

Maksud, "menurut cara yang kamu sukai" ialah dari arah depan atau pun belakang, tetapi pada satu tempat sahaja.

Sebab turunnya ayat ini ialah orang-orang Yahudi pada zaman Nabi s.a.w. mengatakan, "Apabila seorang lelaki menggauli isterinya pada kemaluannya dari arah belakang nescaya akan lahir anak yang juling matanya". Para Sahabat bertanyakan hal itu kepada Rasulullah s.a.w, lalu Allah menurunkan ayat tersebut sebagai sanggahan atas ucapan mereka. "Isteri-isterimu adalah (seperti) tanah tempat kamu bercucuk tanam, maka datangilah tanah tempat bercucuk tanammu itu menurut cara yang kamu sukai", dari depan atau belakang, tetapi yang penting tempatnya satu [14].

Dalam satu riwayat dinyatakan. "Hindarilah dubur dan haidh! (menggauli wanita pada dubur atau semasa haidh)", [15]

Tempat yang satu yang dimaksudkan dalam hadith di atas adalah kemaluan. Sebab ia adalah tempat "menanam" anak. Sedangkan dubur adalah tempat kotoran, menjijikkan.

Abu Hurairah meriwayatkan Rasulullah s.a.w bersabda "Dilaknat orang yang menggauli isterinya ketika haidh atau pada duburnya". [16]

Beliau juga meriwayatkan Rasulullah s.a.w. bersabda:

Maksudnya: "Barangsiapa menggauli isteri yang sedang haidh atau pada duburnya, atau mendatangi seorang dukun, maka dia telah kafir terhadap apa yang diturunkan kepada Muhammad". [17]

Demikianlah, barangsiapa menggauli isteri yang sedang haidh atau menggaulinya pada duburnya maka dia dilaknat dan termasuk golongan yang mendapat ancaman besar. Begitu juga dengan seseorang yang mendatangi seorang dukun atau yang seumpamanya yang mengaku tahu tentang barang yang dicuri dan mengetahui perkara-perkara ghaib lalu dia bertanya kepadanya dan mempercayainya.

Kebanyakan orang-orang jahil tergelincir ke dalam perbuatan maksiat ini, disebabkan oleh sedikitnya pengetahuan dan ilmu mereka. Tentang hal ini Abu Darda' berpesan, "Jadilah alim (orang yang berilmu), muta'allim (orang yang menuntut ilmu), mustami' (orang yang mendengar ilmu) atau muhibb (orang yang mencintai ilmu) dan jangan menjadi orang kelima sehingga kamu celaka. Dia adalah orang yang tidak berilmu, tidak belajar, tidak mendengar dan tidak pula mencintai orang yang berilmu".

Diwajibkan atas setiap orang bertaubat kepada Allah dari semua dosa dan kesalahan serta memohon ampunan kepada-Nya atas segala kejahilannya yang telah lalu juga afiyah dalam sisa umurnya. Ya Allah, kami memohon ampunan dan afiyah dalam urusan dien, dunia dan akhirat. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Penyayang.

NOTA KAKI

1. Diriwayatkan oleh At-Ajum dalam Dzammul Liwath (1213) dan Ibnu Jauzi dalam Dzammul Hawa (hal 159) dari jalur Ghanjar dan Umar bin Ash-Shubh dari Mubatil bin Hayyan dan Al-Jarud Al-Absi dan Jabir Dan Umar bin Ash-Shubh seorang pemalsu hadith dan Ad-Daruquthni mengatakan matruk. Dan diriwayatkan oleh Ahmad (3/352), At Tirmidzi (1482), Ibnu Majah (2563), Al-Hakim (4/357), Abu Kata (363) dan Al-Baihaqi dalam Asy-Syuab (4989) dari jalur lain. Dan dihasankan oleh Asy-Shalkin Al-A an dalam Sahih Ibnu Majah (2077).

2. Hadith diriwayatkan oleh Ahmad (1/317/309), Al-Kharani dalam Al-Masawi (437), Ibnu Jauzi dalam Dzammul Hawa (hal. 159). Hadiths ini mmemiliki jalur yang dikuatkan oleh sebahagian yang lain dari Ibnu Abbas. Lihat Shahih Al-Jami' (5891)

3. Hadith diriwayatkan oleh Ahmad (1/300), Abu Daud (4462), At-Tirmidzi (1481), Ibnu Majah 2561), Ath-Thabrani (11527, 11568), Al-Baihaqi (8/232), Al-Kharaith (435) dan Al-Ajum dalam Dzammul Liwath (26/27). Disahihkan oleh Asy-Syaikh dalam Al-Irwa (2350) dari Ibnu Abbas.

4. Perawi ucapan ini adalah Al-Ajum dalam Dzammul Liwath (4) dari Ka'ab.

5. Hadith diriwayatkan oleh Ahmad (1/297) Al-Tirmidzi (1165), At-Thabrani (12317), Al-Baihaqi (7/198) dan Al-Kharaithi (464) dari Ibnu Abbas dan dihasankan oleh Asy-Syaikh Al-Albani.

6. Hadith diriwayatkan oleh Ahmad (2/411),, Ath-Thahawi Al-Musykil (3/298), Ibnu Hibban (4419) dan Al-Baghawi (716) dari Abu Hurairah dengan lafaz (Al-Ainan Tazniyani) dan sanadnya sahih. Dan diriwayatkan pula oleh Ahmad (2/379), Al-Bukhari dan Muslim (2657), Abu Daud (2153), Ath-Thahawi (3/298) dan Abu Hurairah dengan lafaz "Innallahakanaba ala Ibni Adam". Hadith riwayat al-Bukhari (6243, 6612), Muslim (5657) dan Ahmad (2/276) dari Ibnu Abbas.

7. Diriwayatkan oleh Al-Baihaqi Asy-Syu'ab (5014) dan Ibnu Jauzi dalam Zammul Hawa (hal. 91). Isnadnya dha'if.

8. Diriwayatkan oleh Al-Baihaqi dalam Asy-Syu'ab (5015) dan Ibnu Jauzi dalam Dzammul Hawa (hal. 92) dari An-Najib As-Sarl

9. Hadith Sahih. Diriwayatkan oleh Abdur Razzaq (11/341), Ath-Thanawi Ma'ani Al-Atsar (4/151), Ath-Thayalisi (hal. 7), Ath-Thabrani dalam Ash-Sahghir (1/89), As-Syaf'ii dalam Ar-Risalah (1315), Al-Humaidi (1/20), Al-Khathib At-Tarikh (2/187), At-Tirmizi (165) dan Ibnu Majah (2363) dan ianya disahihkan oleh Asy-Syaikh dalam Sahih At-Tirmizi (1758).

10. Diriwayatkan oleh Al-Baihaqi Asy-Syu'ab (5021) dan Ibnul Jauzi dalam Zammul Hawa (hal. 94)

11. Ibnul Jauzi telah memasukkan sebuah bab di dalam kitabnya Zammul Hawa tentang larangan melihat amrad (anak muda yang belum tumbuh janggutnya).

12. Diriwayatkan oleh Al-Hakim (4/313) dan Al-Qudha'i (292) dari Huzaifah dan Ath-Thabrani dari Ibnu Mas'ud (10362) dan Al-Qudha'i (293) dari Ibnu Umar. Di dalamnya terdapat kedhaifan dan kecelaruan.

13. Kisah ini diriwayatkan oleh Al-Ajumi dalam Zammul Liwath (29), Al-Kharaithi (446), Al-Baihaqi (8/232) dan Ibnul Jauzi dalam Zammul Hawa (hal 163). Dan sanadnya mursal.

14. Hadith Sahih. Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (4525), Muslim (1435), Abu Daud (2163), At-Tirmizi (2978), Ibnu Majah (1925), An-Nasa'ie At-Tafsir (58), Al-Humaidi (1263) dan Atn-Thabrani (2/234). Dari Jabir.

15. Diriwayatkan oleh Ahmad (1/297), Ath-Thabari (2/235), Abu Ya'la (2736), An-Nasa'i At-Tafsir (60), Ath-Thabrani (12317), Ibnu Hibban (4190), Al-Kharaithi (465) dan Al-Baihaqi (7/198) dari Ibnu-Abbas. Ianya adalah hadith hasan.

16. Diriwayatkan oleh Ahmad (4/444,479) dan Abu Daud (2162). Kata yang kedua sahaja dari riwayatnya dari Abu Hurairah iaitu dalam Shahih Al-Jami' (5889)

17. Diriwayatkan oleh Ahmad (2,408 & 486), Abu Daud (3904), An-Nasa'i (178), At-Tirmizi (135), Ad-Darimi (1136), Ibnu Majah (639), Ath-Thahawi (2/26) dan Ibnu Jarud (107) dari berbagai jalur periwayatan dan Hammad bin Salamah dari Hakim Al-Atsram dari Abu Abu-Tamimah Al-Hujaimi dari Abu Hurairah. Disahihkan oleh Asy-Syaikh dalam Al-Irwa (2006)

▪ *Nota: Saringan oleh Kumpulan Web Darulkautsar (https://darulkautsar.wordpress.com) dari buku terjemahan "Al-Kabair (Dosa-dosa Besar)' karangan Imam Az-Zahabi. Buku terjemahan asal boleh dicapai di sini- https://drive.google.com/file/d/0B0r1wFGeMOw5eDdpZjM4a2YyRG8/edit*